

Ahmad dihantar pulang ikut undang-undang

11 OCT 2002

PETALING JAYA 10 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penghantaran pulang Ahmed Ibrahim Bilal yang disyaki anggota militan ke Amerika Syarikat dibuat berdasarkan kehendak undang-undang negara ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun Ahmed tidak melakukan sebarang kesalahan di Malaysia, dia terpaksa dihantar pulang kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

“Kita buat berlandaskan undang-undang yang ada, bukannya berdasarkan khabar angin atau pendapat umum.

“Walaupun kita tidak pasti (kebenaran tuduhan bahawa Ahmed adalah anggota militan), dokumen perjalanannya telah disekat dan undang-undang kita menyatakan kita tidak boleh menyimpan orang yang tidak memiliki dokumen.

“Jadi kita sekarang ini bukannya bercajakap mengenai kesalahan, sebaliknya bercajakap mengenai dokumen (yang tidak dimiliki Ahmed),” tegas beliau.

Perdana Menteri menyatakan demikian

kepada wartawan selepas menyampaikan ucapan pada persidangan sehari Mencontohi Korea Selatan - Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Yang Dinamik di Pusat Konvensyen Sunway di sini hari ini.

Beliau mengulas penghantaran pulang Ahmed, 24, awal pagi ini ke AS selepas Mahkamah Tinggi menolak permohonannya untuk mendapatkan perintah sementara untuk kekal di negara ini.

Mahkamah Tinggi menetapkan bahawa Jabatan Imigresen terpaksa membatalkan visa belajar di Malaysia milik Ahmed selepas kerajaan negaranya membatalkan pasportnya, sekaligus menjadikannya pendatang tanpa izin di negara ini.

Perdana Menteri sebelum ini menyatakan bahawa Malaysia akan menyiasat dakwaan AS bahawa Ahmed terlibat dalam kegiatan militan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan untuk melindungi atau menghantarnya pulang.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia sejak dahulu lagi telah menyatakan akan mem-

buat keputusan berdasarkan perundangan yang ada di negara ini.

“Jadi kita bukannya tidak memberikan kerjasama mahupun bekerjasama (dengan mana-mana negara).

“Kita mengambil tindakan berdasarkan undang-undang kita,” ujarnya.

Perdana Menteri turut mengulangi kenyataannya bahawa Malaysia menentang keganasan dan akan cuba bekerjasama seupaya upaya bagi menangani masalah tersebut.

Malaysia bagaimanapun tidak boleh mengambil sebarang tindakan terhadap mereka yang didakwa sebagai pengganas oleh negara lain selagi tidak melanggar undang-undang negara ini, katanya.

“Setakat yang kita tahu, mereka tidak melanggar undang-undang kita jadi kita tidak boleh ambil tindakan.

“Jika mereka melanggar undang-undang negara lain, itu bergantung kepada perundangan negara tersebut,” ujar beliau.